



TEKS UCAPAN

YAB DATO' SRI FADILLAH YUSOF

TIMBALAN PERDANA MENTERI

SEMPENA

MAJLIS PECAH TANAH PEMBANGUNAN HOSPITAL PAKAR

SEMENYIH (SSH)

PATUH SYARIAH & BERCIRIKAN WAKAF

DI TAPAK PEMBINAAN HOSPITAL PAKAR SEMENYIH (SSH),

MUKIM SEMENYIH, HULU LANGAT

30 SEPTEMBER 2025

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(Salutasi)

- Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtars,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM
- YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan
Ahli Parlimen Hulu Langat
- YB Tuan Haji Nushi Bin Mahfodz
ADUN Semenyih
- Ybrs. Dr. Ridzwan Bin Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia
- Ybrs. Prof. Datuk Dr. Haji Ajaz Bin Nabijan
Pengerusi Highfield Healthcare Sdn. Bhd.
- Ybrs. Encik Haizar Razif Hisyam Bin Ajaz Nabijan
Ketua Pegawai Eksekutif Highfield Healthcare Sdn. Bhd.
- Ybrs. Tuan Haji Husni Abd Shukur
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan An-Nur Hospital Pakar
Bangi
- YDP Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia
- Wakil-wakil badan-badan kerajaan dan korporat

1. Mukadimah & Penghargaan

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Pecah Tanah Pembangunan Hospital Pakar Semenyih (SSH), pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Highfield Healthcare Sdn. Bhd., pihak berkuasa tempatan, serta semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan projek bersejarah ini.

2. Kepentingan Hospital Pakar Patuh Syariah & Wakaf

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

Saya difahamkan bahawa hospital yang bakal dibangunkan ini bukan sekadar sebuah fasiliti kesihatan moden berteknologi tinggi. Ia adalah hospital pakar pertama di Malaysia yang berteraskan prinsip patuh syariah dan wakaf. Ia akan beroperasi bukan sahaja menurut undang-undang dan etika komersial Islam, tetapi juga distrukturkan secara asasnya mengikut konsep wakaf untuk kelestarian dan misi sosialnya. Ia menggabungkan dua konsep iaitu ;

- i) Kepatuhan Syariah : Cara operasi harian, etika dan urusan niaga kewangan
- ii) Model berasaskan wakaf : Aset asas dan struktur kewangan hospital itu sendiri

3. Wakaf Sebagai Pemangkin Ekonomi MADANI

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI, kerajaan berhasrat menjadikan wakaf sebagai sektor ketiga ekonomi negara, dengan sasaran menyumbang 10% kepada sektor kewangan sosial Islam menjelang tahun 2030.

Hospital ini adalah bukti nyata bagaimana instrumen wakaf boleh digerakkan dalam sektor kesihatan. Ia memberi manfaat besar kepada masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan berkualiti, di samping menjana hasil yang mampan untuk institusi wakaf negeri.

Model seperti ini sebenarnya boleh diperluas ke seluruh negara – bukan sahaja dalam sektor kesihatan, malah dalam pendidikan, perumahan, dan pembangunan sosial.

Wakaf adalah ibadah umum, kerana ia termasuk amal kebajikan (shadaqah jariyah) yang manfaatnya terus mengalir jika diniatkan kerana Allah.

Keutamaannya disebut dalam hadis:

“Apabila anak Adam meninggal dunia, maka terputuslah amalnya kecuali tiga: sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, atau anak saleh yang mendoakannya.” (HR. Muslim).

Pembangunan Hospital Pakar Semenyih ini bukan sahaja menggambarkan keprihatinan terhadap aspek kesihatan fizikal, tetapi juga manifestasi ibadah umum – iaitu segala usaha dan kerja baik yang dilakukan dengan niat kerana Allah SWT demi kesejahteraan ummah. Dalam Islam, ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji memperkukuh hubungan kita dengan Allah SWT, manakala ibadah umum seperti membina hospital, menyantuni pesakit, memberi khidmat kepada masyarakat, dan menjaga alam sekitar — semuanya termasuk dalam amal soleh yang diberi ganjaran pahala jika dilakukan dengan ikhlas.

Dalam konteks ini, wakaf bukan sekadar instrumen ekonomi, tetapi juga amalan ibadah yang menghubungkan manusia dengan Penciptanya. Ia mencerminkan semangat ihsan dan tanggungjawab sosial, di mana harta yang diwakafkan terus memberi manfaat berpanjangan kepada masyarakat, walaupun setelah pewakafnya tiada. Inilah keindahan ajaran Islam – yang melihat pembangunan fizikal seperti hospital ini sebagai sebahagian daripada ibadah berterusan (ṣadaqah jariyah).

4. Pembangunan Hospital

Hadirin Sekalian,

Saya difahamkan Hospital Pakar Semenyih akan dibangunkan di atas tanah seluas 2.6 ekar, dengan keluasan binaan 783,566 kaki persegi termasuk kemudahan parkir.

Ia bakal menyediakan 261 katil dengan pelbagai kepakaran perubatan 'Multidisciplinary Specialist', dikendalikan oleh operator hospital berpengalaman An-Nur Healthcare Sdn Bhd dan dijangka siap pada tahun 2030.

Saya juga difahamkan bahawa Hospital Pakar Semenyih ini berhasrat untuk menjadi pintu gerbang perubatan di wilayah selatan 'Southern Medical Gateway' dengan memberikan perkhidmatan perubatan berkualiti tinggi serta meningkatkan aksesibiliti kepada sebahagian besar penduduk di negeri-negeri selatan.

Harapan saya supaya pihak pemaju akan turut mengambil inisiatif menerapkan elemen-elemen teknologi hijau dalam pembangunan Hospital Pakar Semenyih selaras dengan Pelan Hala tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR); ke arah mencapai sasaran "Net-Zero Greenhouse Gas (GHG) Emmisions" menjelang tahun 2050.

Marilah kita bersama-sama mendoakan agar projek ini berjalan lancar, diberkati Allah SWT, dan menjadi sumber manfaat yang berpanjangan – bukan sahaja untuk masyarakat Semenyih, tetapi juga seluruh rakyat Malaysia.

5. Mecegah Lebih Baik Dari Merawat

Hadirin sekalian,

Pepatah ada menyebut, pencegahan lebih baik daripada merawat. Adalah lebih baik kita menjaga kesihatan sebelum jatuh sakit. Dalam

konteks pembangunan hospital, ia bermaksud hospital bukan hanya tempat merawat pesakit, tetapi juga pusat yang membantu masyarakat mencegah penyakit melalui program vaksinasi, pemeriksaan kesihatan awal dan kempen kesedaran gaya hidup sihat. Jika masyarakat lebih fokus kepada pencegahan, beban kos rawatan juga dapat dikurangkan. Dengan gabungan usaha pencegahan, rawatan dan pemulihan, hospital boleh menjadi rakan penting dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Malah dengan menyediakan kemudahan kesihatan berteraskan syariah dan wakaf, kita sebenarnya sedang melabur dalam pencegahan penyakit, kemiskinan, dan ketidakseimbangan sosial, demi kesejahteraan rakyat seluruhnya.

6. Harapan & Penutup

Mudah-mudahan, Hospital Pakar Semenyih ini menjadi mercu tanda bahawa pembangunan kesihatan dan keagamaan boleh berjalan seiring; dengan setiap usaha membina dan berkhidmat untuk manusia adalah ibadah yang akan terus mengalir pahalanya.

Dengan penuh sukacita, dan dengan lafaz

Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pecah Tanah Pembangunan Hospital Pakar Semenyih (SSH).

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.